

08/09/2002

`Kemudahan tidak akan dikaji semula'

Jami'ah Shukri

KUALA LUMPUR: Kerajaan tetap memberi layanan dan kemudahan terbaik kepada pendatang tanpa izin di semua kem tahanan di negara dan tidak bercadang mengkajinya semula walaupun ada dakwaan kes rogol membabitkan gadis di bawah umur Filipina di pusat tahanan sementara di Sabah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata semua pendatang tanpa izin di pusat tahanan itu diberi perlindungan secukupnya termasuk makanan dan khidmat perubatan bagi memastikan kebajikan mereka terjaga.

Malah, kata beliau, layanan memuaskan kerajaan Malaysia itu juga diakui oleh pendatang tanpa izin, sehingga ramai di kalangan mereka rela tinggal di dalam kem tahanan daripada dihantar pulang.

"Walaupun mereka adalah pendatang tanpa izin, kita tetap menjaga kebajikan dan diberi layanan baik. Kita juga membelanjakan wang yang banyak setiap tahun untuk membiayai mereka di pusat tahanan.

"Setiap hari kita memperuntukan RM3.50 untuk makanan mereka, selain memberi kemudahan perubatan. Kita juga tidak meminta bayaran balik semua perbelanjaan itu daripada mereka. Sepatutnya kita boleh gunakan wang pembiayaan itu bagi keperluan dan kepentingan lain untuk rakyat negara ini, seperti pendidikan anak-anak, tetapi kita tetap peruntukan kepada pendatang tanpa izin itu," katanya selepas merasmikan Persidangan Ahli-ahli Parlimen mengenai Pelaburan Wanita dan Pelaburan Perubahan, di sini semalam.

Baru-baru ini, ada dakwaan seorang gadis Filipina berusia 13 tahun dirogol di pusat tahanan sementara di Sabah, selain dakwaan layanan buruk diberikan kepada pendatang tanpa izin Filipina di kem tahanan di negeri itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam reaksinya mengenai dakwaan itu sudah mengarahkan siasatan dijalankan dan memberi jaminan tindakan sewajarnya akan diambil terhadap pihak yang terbukti melakukannya.

Zainal Abidin menegaskan layanan dan kemudahan diberikan kerajaan amat baik dan tidak ada sesuatu yang menimbulkan keraguan.

"Malah, tidak ada antara tindakan kita yang menjadikan mereka mati," katanya.

Mengulas lanjut mengenai dakwaan kes rogol, Zainal Abidin berkata, persekitaran dalam kem tahanan tidak memungkinkan kejadian seperti rogol boleh berlaku kerana dihuni oleh pendatang tanpa izin yang ramai.

Bagaimanapun, Malaysia memandang serius perkara itu dan kini polis menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat menyiasat perkara itu.

Katanya, negara ini mempunyai undang-undang dan ia adalah adil kepada semua pihak termasuk pendatang tanpa izin.

"Kita tidak melindungi mana-mana pihak yang melakukan kesalahan sama ada rakyat tempatan atau warga asing," katanya.